

Anwar pertahankan jawatan presiden

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengesahkan memper-tahankan jawatannya sebagai Presiden PKR pada pemilihan parti itu hujung bulan ini.

Sehingga jam 6 petang semalam, belum ada nama lain di-calonkan bagi jawatan presiden yang mana sejak awal Anwar dijangka menang tanpa bertand-ing.

Pencalonan bagi Pemilihan PKR 2025 membabitkan peringkat Majlis Pimpinan Pusat (MPP), Angkatan Muda Keadilan (AMK) dan Wanita Keadilan berlangsung selama dua hari bermula kelmarin dan berakhir jam 11.59 malam tadi.

Kongres Nasional PKR dimulakan dengan Kongres AMK dan Wanita pada 23 Mei, diikuti Kongres Nasional pada 24 Mei di Johor Bahru.

10,000 perwakilan mengundi

Kira-kira 10,000 perwakilan akan mengundi pada kongres berkenaan, manakala 20,000 lagi secara dalam talian bagi jawatan peringkat Pusat.

Terdahulu Anwar menyertai



Anwar bersalaman dengan jemaah ketika hadir menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Iman, Presint 9, Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

500 jemaah menunaikan solat Jumaat di Surau Al-Iman, Presint 9 dan mendengar khutbah bertajuk 'Ebahkan Pernikahan, Sempurnakan Tuntutan'.

Perdana Menteri yang lengkap berbaju Melayu sempat beramah mesra dengan pengurusan masjid dan kariah serta orang ramai, sebelum berjalan

kaki kira-kira 100 meter ke Restoran Kampung Pandan Kari Kepala Ikan Termasyhur bagi menikmati juadah tengah hari.